

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID**
KAWASAN : **KOTA TINGGI**
TARIKH : **31 JULAI 2017**
NO. SOALAN : **31**

SOALAN

DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah manfaat yang boleh didapati oleh negara dengan menyertai "Belt and Road" China.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Presiden Republik Rakyat China telah mengumumkan Inisiatif *Belt and Road (Belt and Road Initiative – BRI)* pada tahun 2013. Inisiatif ini terdiri daripada dua laluan perdagangan antarabangsa iaitu "Silk Road Economic Belt" dan "21st Century Maritime Silk Road" yang menghubungkan Asia, Eropah dan Afrika. Antara matlamat utama pelaksanaan BRI ialah:

- (i) Koordinasi dasar (*Policy Coordination*);
- (ii) Perhubungan infrastruktur (*Facilities Connectivity*);

- (iii) Perdagangan tanpa sekatan (*Unimpeded Trade*);
- (iv) Integrasi kewangan (*Financial Integration*); dan
- (v) Hubungan sesama rakyat (*People-to-People Bonds*)

2. BRI melibatkan 65 buah negara dengan jumlah penduduk yang mencecah 4.4 bilion iaitu 63% daripada penduduk dunia. Negara-negara di sepanjang BRI menyumbang 30% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dunia dan 24% penggunaan isi rumah. Kesenjangan (dengan izin, *disparity*) KDNK di kalangan negara-negara juga memberi peluang kepada negara-negara tersebut untuk saling melengkapi menerusi capaian perdagangan dan pelaburan. Inisiatif ini juga akan memberikan peluang kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) khususnya untuk meneroka pasaran baru dan meningkatkan aktiviti pelaburan.

3. Malaysia telah menyokong pelaksanaan BRI sejak ia dilancarkan. Sehubungan ini, Malaysia dan China telah menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) Menggalakkan Pembangunan Ekonomi Bersama Menerusi Inisiatif Laluan Sutera dan Laluan Maritim Kurun Ke-21 pada 13 Mei 2017 bersempena penyertaan YAB Perdana Menteri di *Belt and Road Forum for International Cooperation* yang telah diadakan di Beijing. Antara lain, bidang-bidang kerjasama yang digariskan dalam MoU tersebut adalah:

- (a) Kesaling hubungan dalam projek-projek infrastruktur;

- (b) mengukuhkan pengiktirafan bersama standard dan perkongsian maklumat, menambah baik kebolehcapaian lalu lintas dan rangkaian pengangkutan;
- (c) kemudahan urus niaga e-dagang rentas sempadan di kalangan negara-negara OBOR;
- (d) transformasi, menaiktaraf dan inovasi teknologi dalam bidang perkilangan, terutamanya dalam keupayaan pengeluaran antarabangsa dan pembuatan peralatan; dan
- (e) kerjasama kewangan melalui peluasan penggunaan mata wang tempatan dalam perdagangan dan pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Pelaksanaan BRI di Malaysia akan diselaraskan dengan dasar negara untuk menarik pelaburan langsung asing (*Foreign Direct Investment* - FDI) dari China dalam sektor-sektor terpilih yang akan memacu Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

5. Bagi tahun 2016, pelaburan yang diluluskan dari negara China dalam sektor pembuatan merupakan pelaburan langsung asing yang terbesar dengan jumlah RM4.7 bilion. Pelaburan ini melibatkan 33 projek dan dijangka menjana 10,147 peluang pekerjaan. Daripada jumlah pelaburan ini, sektor industri barangan elektronik dan elektrik mencatatkan pelaburan langsung asing yang tertinggi sejumlah RM1.8 bilion, diikuti dengan industri barangan galian bukan logam (RM1.4 bilion) dan industri barangan logam asas (RM1.3 bilion).

6. Selain itu, BRI yang akan dilaksanakan di Malaysia juga adalah selari dengan dasar strategik Rancangan Malaysia ke-11 (2016-2020). Rancangan Malaysia ke-11 memberi tumpuan kepada usaha untuk meningkatkan kesejahteraan semua rakyat Malaysia, mempercepat pembangunan modal insan, mengukuhkan infrastruktur untuk menyokong pertumbuhan ekonomi, meningkatkan pertumbuhan ekonomi untuk kemakmuran rakyat Malaysia ke arah pembangunan hijau dan lestari.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Dasar pelaburan dan perdagangan negara yang sejajar dengan strategi BRI akan menggalakkan pertukaran teknologi dan mewujudkan kerjasama baru dalam pelbagai bidang strategik. Malaysia akan dapat memanfaatkan BRI untuk menerajui pembangunannya dalam infrastruktur, perdagangan, tenaga, kewangan, dan alam sekitar.

8. Inisiatif BRI juga akan meningkatkan lagi hubungan rakyat antara dua buah negara. Kini, China telah menjadi sumber utama pelancong asing ke Malaysia yang telah memberi manfaat ekonomi kepada negara. Hubungan antara rakyat juga telah dapat dimanfaatkan melalui sektor pendidikan tinggi seperti penubuhan Xiamen University di Malaysia. Ini akan membantu mencapai aspirasi untuk menjadikan Malaysia hab pendidikan tinggi dirantau ini.

9. Salah satu lagi aspek BRI yang memanfaatkan negara ialah melalui kesalinghubungan (*connectivity*), di mana fokus adalah untuk mengurangkan halangan perhubungan antarabangsa serta meningkatkan kemudahan infrastruktur udara, darat dan juga laut.

Kerjasama erat antara Malaysia dan China dapat dilihat melalui perhubungan udara apabila syarikat penerbangan AirAsia diberi hak untuk menawarkan penerbangan domestik dalam negara China.

Tuan Yang DiPertua,

10. Secara kesimpulannya, pelaksanaan BRI akan memastikan rakyat jelata mendapat faedah daripada penambahbaikan kemudahan infrastruktur dan kemudahan sosial yang lebih baik, taraf hidup yang lebih tinggi, peluang pekerjaan yang lebih baik dan lebih banyak peluang keusahawanan.

11. Pelaksanaan BRI akan terus dipantau rapi bagi memastikan Malaysia dapat manfaat sepenuhnya. Sehubungan dengan usaha ini, Sekretariat Kebangsaan BRI telah ditubuhkan di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia untuk menyelaras, mengkoordinasi dan memantau pelaksanaan BRI di Malaysia.

Sekian, terima kasih.